

Bahagian I
PERMULAAN

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak, 1977 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Raja dalam Mesyuarat melalui pemberitahu dalam Warta Kerajaan.
2. Di dalam Enakmen ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:

'Bahan Perpustakaan' ertinya apa-apa bentuk perkara bertulis, bercetak atau grafik termasuk tulisan tangan, tulisan taip, buku, akhbar, majalah berkala, muzik, gambar foto, peta, cetakan, lukisan dan lain-lain bentuk seni grafik, filem, jalur filem, piring hitam, rakaman pita dan lain-lain rakaman pada kertas, filem atau lain-lain bahan dan pengeluaran ulangnya;

'Kumpulanwang' ertinya Kumpulanwang yang ditubuhkan di bawah seksyen 16;

'Negeri' ertinya Negeri Perak;

'Pengerusi' ertinya Pengerusi Perbadanan yang dilantik dibawah Seksyen 4;

'Perbadanan' ertinya Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3;

'Perpustakaan Awam' ertinya Perpustakaan Awam Negeri Perak yang ditubuhkan oleh Perbadanan di bawah Seksyen 8 dan termasuk cawangan-cawangan Perpustakaan Awam dan perpustakaan-perpustakaan bergerak yang mungkin ditubuhkan oleh Perbadanan di bawah Seksyen 9;

'Perpustakaan bergerak' ertinya sesuatu perpustakaan yang bergerak dari suatu tempat ke suatu tempat di dalam Negeri dengan menggunakan kenderaan yang disesuaikan bagi maksud itu;

'Tahun kewangan' ertinya satu jangka masa yang tidak melebihi dua belas bulan dan tidak kurang dari enam bulan berakhir pada 31hb. Disember.